

## SOALAN NO : 137

perkhidmatan WK dapat dilakukan melalui petugas-petugas PI1M yang dihubungkan.

Projek WK adalah bersifat sementara di mana tujuan utamanya adalah untuk memberi akses permulaan secara kolektif kepada komuniti dalam memupuk minat rakyat terhadap penggunaan Internet. Pada masa yang sama, rakyat turut mempunyai pilihan untuk melanggan perkhidmatan jalur lebar secara komersil bagi kualiti yang lebih baik bagi kawasan-kawasan yang telah mempunyai perkhidmatan jalur lebar.

Bagi kawasan-kawasan yang masih lagi belum mempunyai perkhidmatan jalur lebar, Kementerian sedang giat melaksanakan projek peluasan liputan jalur lebar yang merangkumi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G di menara-menara komunikasi sedia ada mahupun menara yang sedang dalam pembinaan.

Kebanyakan projek ini dilaksanakan oleh syarikat komunikasi negara yang dilantik oleh pihak SKMM melalui proses tender terbuka. Dalam masa yang sama, syarikat komunikasi negara juga mempunyai program mereka tersendiri yang dilaksanakan di bawah program tanggungjawab sosial korporat masing-masing.